



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA MELANCARKAN VIDEO LAGU 'SAYA ANAK MALAYSIA' DAN PERTANDINGAN FOTOGRAFI DAN VIDEO BERTEMAKAN PERPADUAN RAKYAT MALAYSIA BAGI SEMARAKAN SEMANGAT SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2020

SIBU, 16 September 2020 – Bagi menyemarakkan semangat perpaduan menjelang Sambutan Hari Malaysia 2020, Kementerian Perpaduan Negara hari ini melancarkan video lagu “**SAYA ANAK MALAYSIA**” yang telah disusun semula dan dinyanyikan oleh 26 orang artis tempatan yang berbilang bangsa dan umur.

2. Sejurus itu, Kementerian turut mengumumkan penganjuran **pertandingan fotografi dan video bermula dari 16 September 2020 sehingga 4 Oktober 2020 yang bertemakan “Saya Anak Malaysia” dan “Malaysia Prihatin”** bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia dengan mencungkil bakat mereka dalam bidang fotografi dan video.

3. Selari dengan **Kempen Pembudayaan Norma Baharu peringkat Kementerian yang telah dilancarkan pada 28 Ogos yang lepas, kanak-kanak Tabika Perpaduan Taman Soon Hup Sibu turut mengadakan demonstrasi aktiviti “Take 5 Cuci Tangan”** sebelum majlis pelancaran bermula.

4. Video lagu “**SAYA ANAK MALAYSIA**” ini boleh dimuat turun di laman web dan media sosial Kementerian Perpaduan Negara. Kementerian mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk bersama menghayati dan menghargai perpaduan Malaysia yang ditampilkan melalui lagu ini. Pertandingan fotografi dan video ini juga merupakan antara inisiatif KPN untuk menggalakkan rakyat Malaysia menzahirkan pengertian perpaduan di Malaysia melalui secara kreatif dan tersendiri melalui lensa kamera.

5. Mengulas mengenai pertandingan ini, **Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique** berkata, “**Kita sedar bahawa rakyat Malaysia amat kreatif dalam meluahkan rasa cinta dan sayang kepada negara. Melalui lagu popular, “SAYA ANAK MALAYSIA”, Kementerian ingin mengambil peluang ini untuk menggalakkan rakyat Malaysia untuk berkongsi makna perpaduan dengan cara kreatif mereka tersendiri.** Pertandingan ini juga diharap akan dapat menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia bagi sambutan Hari Malaysia pada tahun ini.”

6. Rakyat Malaysia dijemput untuk menyertai pertandingan ini dengan **memuat naik gambar atau video mereka berdasarkan tema “Saya Anak Malaysia” dan “Malaysia Prihatin” di laman sosial masing-masing, berserta tanda pagar #SayaAnakMalaysia2020 serta #MalaysiaPrihatin.** Bagi penyertaan video, peserta perlu menyertakan nama penuh, nombor telefon, akaun media sosial dan pautan ‘link’ kepada video mereka, kemudian hantarkan kepada email: **perpaduankita2020@gmail.com.** Setiap karya yang dikongsikan hendaklah mencerminkan perpaduan rakyat Malaysia.

7. Pelbagai hadiah menarik menanti bagi kedua-dua kategori video atau fotografi. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi Kementerian Perpaduan Negara di www.perpaduan.gov.my atau laman Facebook rasmi Kementerian Perpaduan Negara di www.facebook.com/PerpaduanNegara/ atau [@PerpaduanNegara](https://www.instagram.com/PerpaduanNegara/).

Kementerian Perpaduan Negara

16 September 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (26)